

BERNAMA.COM

am » berita

GO

CARIAN



Berita-berita Lain

- [Sudah Tiba Masanya Ahli Akademik Kaji Sekuriti Siber](#)
- [Pemandu Maut Ketika Sedang Baiki Lori Di Bahu Jalan](#)
- [Keperitan Hidup Ibu Dan Empat Anak Dapat Perhatian](#)
- [274 Terima Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Persekutuan](#)
- [Lihat Anak Bulan Zulhijjah 17 Nov](#)

06 Oktober, 2009 21:41 PM

Lepasan Diploma Sains Kesihatan Boleh Ikuti Program Ijazah Di Universiti Manipal

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Pelajar lulusan diploma Sains Kesihatan dari institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kini mempunyai peluang untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah di Universiti Manipal, India.

Usaha membuka ruang kepada lepasan diploma itu dicapai menerusi perjanjian persefahaman antara Universiti Manipal dan Acumen Integrated Health Care and Movement Science Academy Malaysia (AIHMSA).

Pengarah Pembangunan Perniagaan AIHMSA, Dharamjit Singh, berkata pelajar lulusan diploma Sains Kesihatan hanya perlu menyambung pengajian mereka di Universiti Manipal untuk tempoh 18 bulan.

Ketika ini, katanya, hanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menawarkan program ijazah dalam bidang Sains Kesihatan.

"Kami terpenggil untuk membantu melahirkan lebih ramai ahli fisioterapi tempatan," katanya kepada Bernama selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman itu di

sini Selasa.

Dalam majlis itu, AIHMSA diwakili Pengarahnya Tarnjit Kaur sementara pihak universiti itu oleh Pendaftar Program Antarabangnya, Dr H.Vinod Bhat.

Majlis menandatangani perjanjian selama tiga tahun itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Luar Senator A. Kohilan Pillay.

Dharamjit berkata pihaknya ingin membantu lepasan diploma di negara ini melanjutkan pengajian mereka dengan harga paling murah tetapi kualiti pengajian yang terbaik dan diiktiraf dunia.

Katanya, buat masa ini, AIHMSA akan menumpukan kepada pelajar yang ingin melanjutkan dalam kursus fisioterapi yang dianggap bidang kritikal dalam perkhidmatan kesihatan negara.

Katanya sehingga ini terdapat 835 kekosongan ahli fisioterapi di hospital kerajaan di negara ini.

-- BERNAMA

***Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).***